

Kokurikulum
**PEMANGKIN
KEMANDIRIAN
PELAJAR**

Kokurikulum **PEMANGKIN KEMANDIRIAN PELAJAR**

**KHAIRUNESA ISA
MOHAMAD SHATAR SABRAN
YUSLIZAR KAMARUDIN
HAZILA KADIR @ SHAHAR
AZITA ALI**


**Penerbit
UTHM
2020**

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2020

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Khairunesa Isa

Kokurikulum : PEMANGKIN KEMANDIRIAN PELAJAR /
KHAIRUNESA ISA, MOHAMAD SHATAR SABRAN, YUSLIZAR
KAMARUDIN, HAZILA KADIR @ SHAHAR, AZITA ALI.
ISBN 978-967-2389-16-3

1. Education, Higher--Activity programs--Malaysia.
2. Activity programs in education--Malaysia.
3. Student activities--Malaysia.
4. Government publications--Malaysia.

I. Mohamad Shatar Sabran. II. Yuslizar Kamarudin.

III. Hazila Kadir@Shahar. IV. Azita Ali

V. Title.

378.109595

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

• Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
•
• E-mel: pt@uthm.edu.my
• <http://e-bookstore.uthm.edu.my>
•
• Penerbit UTHM adalah anggota
• Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
• (MAPIM)
•
•

Dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Isi Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>ix</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>xi</i>
Bab 1 Aktiviti Kokurikulum dan Kemahiran Insaniah	1
Bab 2 Khidmat Komuniti Siswa (KKS): Agenda PPUK Melahirkan Mahasiswa Berketerampilan	13
Bab 3 Asas Pengucapan Awam Untukmu DARWA	25
Bab 4 Program Keusahawanan sebagai Kerjaya Pilihan “ <i>Medium Transfer Knowledge</i> ”	39
Bab 5 Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) di Mata Dunia	59
Bab 6 Maklum balas Pelajar Berhubung Program UCE	77
<i>Lampiran</i>	81
<i>Bibliografi</i>	86
<i>Biodata Penulis</i>	88
<i>Indeks</i>	93

Prakata

Kokurikulum Pemangkin Kemandirian Pelajar merupakan buah tangan sulung Jabatan Kepimpinan, Khidmat Komuniti, Pengucapan Awam dan Kemahiran untuk pembaca meluaskan pengetahuan dan pemahaman mengenai peranan dan fungsi aktiviti kokurikulum dalam pembentukan mahasiswa berketerampilan. Aktiviti kokurikulum bukanlah satu perkara baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia kerana ia mempunyai impak yang sangat signifikan terhadap perkembangan pelajar. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sejak di peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi sudah pasti memberikan pengalaman yang berbeza terhadap diri pelajar. Selain pengisian yang dipilih, pendekatan yang diguna dalam pengajaran dan pembelajaran turut memberi impak kepada perkembangan dan pembangunan pelajar.

Buku ini bertujuan memberi pemahaman mengenai peranan dan impak aktiviti kokurikulum di Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) melalui pelaksanaan program *University Community Engagement* (UCE). UCE merupakan pendekatan yang digunakan oleh PPUK dalam usaha melahirkan pelajar yang berketerampilan dan mampu memenuhi permintaan pasaran. Khidmat Komuniti Siswa (KKS) merupakan model UCE yang mengintegrasikan elemen teori dan praktikal secara *hands on*. Bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang mandiri, setiap program UCE PPUK perlu memfokus kepada nilai ilmu atau kemahiran dan pemilihan komuniti yang signifikan dengan kumpulan sasaran seperti golongan ibu tunggal, golongan belia dan sebagainya.

Buku Kokurikulum Pemangkin Kemandirian Pelajar mampu membawa pembaca menghayati kepentingan aktiviti kokurikulum dalam melahirkan pelajar yang mandiri melalui pendekatan yang komprehensif. Pelaksanaan program yang berorientasikan akademik dan pembelajaran melalui pengalaman menjadikan aktiviti kokurikulum di bawah PPUK lebih relevan untuk diaplikasikan dalam dunia semasa bagi kepentingan masa hadapan. Beberapa penulisan mengenai program UCE yang pernah dijalankan turut disisipkan supaya pembaca lebih memahami matlamat dan hala tuju

program UCE. Namun, apa yang perlu diingatkan ialah program UCE bukan hanya memberi kesan kepada pelajar malah turut memberi impak kepada komuniti setempat.